

Kesepakatan majikan, pekerja pertingkat produktiviti

B.H 07/12/07 M/S 15

KEHARMONIAN di antara pekerja dan majikan adalah satu elemen penting dalam menentukan hala tuju dan objektif sesebuah organisasi atau perusahaan tercapai. Justeru, pihak pekerja dan majikan perlu mencapai kata sepakat dalam apa juga keadaan. Tanpa kesepakatan, sudah tentu perancangan organisasi dan produktiviti, terbantut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar menjelaskan elemen berkenaan ditangani secara serius oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) sejak lama dulu.

Saban hari banyak pertikaian wujud dan dilaporkan kepada JPP. Pada masa sama, banyak pula kes dapat diselesaikan dengan baik.

Misalnya, pada 2005, 381 kes pertikaian perusahaan dilaporkan membabitkan 59,008 pekerja pelbagai sektor. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 15.5 peratus berbanding jumlah kes yang dilaporkan pada 2004. Sebahagian besar kes pertikaian perusahaan yang diterima pada 2005 adalah daripada sektor pembuatan dan aliran ini sama seperti tahun sebelumnya.

Abdul Rahman berkata, antara sebab utama pertikaian perusahaan ialah kebuntuan dalam perundingan Perjanjian Kolektif dan pertikaian mengenai terma dan syarat perkhidmatan. Sepanjang 2005, 909 kes pertikaian perusahaan dikendalikan, termasuk jumlah kes yang dibawa daripada tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, jumlah kes yang diselesaikan pada 2005 adalah tertinggi dalam tempoh lima tahun iaitu 409 kes (45 peratus).

Sementara itu, dari segi cara penyelesaian pula, Abdul Rahman berkata, rundingan damai mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 276 kes atau 47 peratus daripada jumlah kes penyelesaian keseluruhan. Penyelesaian secara rujukan ke Mahkamah Perusahaan pada 2005 adalah 105 kes iaitu jumlah tertinggi berbanding tahun sebelumnya.

Untuk Perjanjian Kolektif pula, pada 2005 menunjukkan 263 Perjanjian Kolektif diberi perakuan oleh Mahkamah Perusahaan. Jumlah itu menunjukkan penurunan sebanyak 18.83 peratus berbanding 2005. Bagaimanapun, jumlah pekerja yang diliputi oleh Perjanjian Kolektif pada 2005 menunjukkan peningkatan iaitu 93,730 orang berbanding 90,306 (2004).

Abdul Rahman juga berkata, Perjanjian Kolektif di sektor pembuatan paling banyak dimeterai pada 2005 di antara majikan dan kesatuan sekerja iaitu 142. Ini diikuti sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi 35, manakala sektor perhotelan dan restoran (18).

Beliau menjelaskan Perjanjian Kolektif adalah perjanjian bertulis ditandatangani majikan dan kesatuan sekerja, mengandungi terma serta syarat perkhidmatan dan perkara yang menyentuh hubungan kedua-dua pihak.

"Seksyen 161 APP 1967 menggariskan salinan Perjanjian Kolektif yang ditandatangani hendaklah didepositkan dengan Pendaftar Mahkamah Perusahaan dalam tempoh sebulan daripada tarikh dimeterai. Pendaftar Mahkamah Perusahaan kemudian akan memaklumkan pihak Mahkamah Perusahaan untuk tujuan perakuan," katanya.

Mengenai kes mogok, Abdul Rahman berkata, jumlah kes yang dilaporkan pada 2005 adalah sama seperti 2004 iaitu tiga. Namun, ada peningkatan dalam jumlah pekerja yang terbabit iaitu 1,020 pekerja (2005), berbanding 279 pekerja (2004). Semua kes mogok yang dilaporkan membabitkan sektor pertanian, pemburuan dan perhutanan.

Katanya, kebanyakan kejadian mogok yang berlaku pada 2005 disebabkan pertikaian di atas terma dan syarat perkhidmatan mengikut Perjanjian Kolektif dan lain-lain kontrak perkhidmatan iaitu membabitkan dua kes, manakala satu lagi kes mogok disebabkan kebuntuan dalam perundingan Perjanjian Kolektif.

Dua kejadian mogok bagaimanapun, diselesaikan melalui rundingan secara langsung antara pekerja/kesatuan dengan majikan berkenaan dan satu kejadian diselesaikan melalui rundingan hasil campurtangan JPP.

Untuk piket pula, Abdul Rahman memberitahu, ada penurunan dalam jumlah piket yang dilaporkan iaitu hanya 16 pada 2005, berbanding 20 (2004). Namun, ada peningkatan dari segi jumlah pekerja yang terbabit iaitu 5,086 pekerja (2005), berbanding hanya 3,058 (2004). Sektor pembuatan mencatatkan jumlah kejadian tertinggi berbanding sektor lain.

"Pada 2005 bilangan piket tertinggi telah dikendalikan oleh JPP Perak iaitu sebanyak lima kes, manakala JPP Selangor pula mengendalikan sebanyak tiga kes," katanya.

Sepanjang 2006 pula, sebanyak 273 perjanjian kolektif ditandatangani di antara kesatuan dan majikan. Sehingga April 2007 sebanyak 112 perjanjian kolektif ditandatangani.

Di samping itu, sepanjang tahun lalu juga, sebanyak 27 kes piket dilaporkan di seluruh negara. Sehingga bulan April 2007, sebanyak enam kes piket dilaporkan kepada pihak JPP.

Pada amnya, kebanyakan isu pertikaian dalam piket adalah mengenai hal kewangan berikutan peningkatan kos sara hidup.